

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 APRIL 2016

# Mahasiswa disaran ikut empat sifat Tunku Abdul Rahman

**KUALA LUMPUR 18 April** - Mahasiswa disaran memiliki dan mengikuti empat sifat serta akhlak Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang merupakan seorang negarawan hebat serta berjiwa rakyat apabila seluruh kehidupannya diabdikan untuk membangunkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, Bapa Kemerdekaan itu amat dikenali dengan semangat perpaduan, kepemimpinan, kesukarelaan dan pengorbanan sehingga berjaya menyatukan tiga bangsa utama di negara ini serta dalam masa sama membawa kemerdekaan kepada Malaysia.

Katanya, kepemimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai pendamai, merendah diri tetapi tegas terserlah apabila berjaya menyatukan pelbagai bangsa di negara ini.

“Tunku menyedari keharmonian antara kaum dalam masyarakat majmuk merupakan langkah yang terpenting untuk mencapai keamanan dan seterusnya kemerdekaan.

“Para mahasiswa sekalian, peliharalah perpaduan dalam kalangan rakan-rakan anda. Sesungguhnya selaku pemimpin masa depan, teruslah memupuk semangat perpaduan,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Pingat Tunku di sini hari ini.

Pada majlis itu sebanyak lima siswazah penerima pingat Tunku dan mereka merupakan lulusan ijazah sarjana muda terbaik di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini dengan kepujian kelas pertama memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) minimum 3.8, aktif dan cemerlang dalam bidang kokurikulum serta menonjol-

kan sifat kepemimpinan.

Tambah Idris, mahasiswa juga perlu mengikuti sifat Tunku Abdul Rahman yang sentiasa terbuka dan sukarela dalam membantu golongan kurang bernasib baik.

“Bekas Perdana Menteri itu pernah berkata kesukarelawan merupakan patriotisme pada tahap yang tinggi kerana menyeru seseorang itu dalam kehidupannya untuk berkhidmat kepada negaranya. Sifat tersebut merupakan harta yang harus dilindungi dan dihormati selagi kita memilikinya, kita mampu membina negara dengan yakin.

“Ini selari dengan peranan kementerian yang memupuk budaya sukarelawan sebagai agenda yang penting. Kementerian ingin melahirkan rakyat Malaysia yang memiliki sifat kasih sayang dan sanggup berkhidmat demi negara dengan ikhlas,” katanya.

um- 19/4/2016